



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS PERSEMBAHAN DIKIR SYARAFIL ANAM SEMPENA  
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA  
TAHUN 1445H/2023M**

**Hari Khamis, 05 Rabiulawal 1445H bersamaan 21 September 2023M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445 Hijrah pada hari Khamis, 05 Rabiulawal 1445H bersamaan 21 September 2023M bertempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi). Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Sebelumnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir di Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku/Katok pada hari Selasa, 03 Rabiulawal 1445H bersamaan 19 September 2023M.

Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 05 Rabiulawal 1445H  
21 September 2023M